

# Sudin: Serah soal pindaan kepada Mahathir

ALOR STAR, Isnin — Ketua Penerangan Hamim Malaysia Datuk Haji Sudin Wahab mencadangkan supaya isu pindaan Perlembagaan hendaklah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyelesaikannya.

Bellau berkata, perkara itu tidak perlu dihebohkan kerana ia boleh menyinggung perasaan sesuatu pihak.

"Saya percaya Perdana Menteri dapat menyelesaikan masalah itu dengan bijaksana", katanya.

Datuk Haji Sudin menganggap pindaan Perlembagaan itu adalah perkara mustahak untuk melicinkan pentadbiran negara.

Menurutnya, penerangan yang telah diberikan oleh beberapa orang menteri terhadap tujuan pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu sedikit sebanyak telahpun difahami oleh rakyat.

"Kita tidak mahu perkara itu diheboh-hebohkan kerana ditakuti akan bertambah kusut lagi," tambahnya.

Untuk mengelakkan perkara itu, bellau mencadangkan masalah itu diserahkan bulat-bulat kepada Perdana Menteri menyelesaikannya.

Datuk Haji Sudin berpendapat pindaan Perlembagaan adalah penting untuk mengemaskinkan pentadbiran negara.

Pindaan itu telah mendapat sokongan dari empat buah persatuan di negeri ini iaitu, Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah cawangan Kedah/Perlis, Persatuan Penghulu-penghulu Negeri Kedah, Persatuan Sejarah Negeri Kedah dan Persatuan Penjaja/Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah.